

# Badan S'pura kumpul hampir \$400,000 untuk pelarian Syria

Kempen Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) anjuran Ekspatriat Muslim AMP (MEX) dan Simply Islam punya matlamat bantu mangsa perang bina semula kehidupan



**BANTUAN DARI MASYARAKAT ISLAM S'PURA:** Dr Mohd Nawab Osman (kanan) berada di Turkey pada Mei lalu bagi mengagihkan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria. - Foto DR MOHD NAWAB OSMAN

19 Jul 2014

Berita Harian

SEKITAR \$380,000 telah dikumpulkan sejauh ini hasil usaha beberapa badan Melayu Islam setempat demi membantu mangsa pelarian perang Syria.

Kempen Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) itu dijalankan Rangkaian Ekspatriat Muslim AMP (MEX) bersama sebuah pusat pengajian Islam di sini, As Siddiq, yang lebih popular dengan nama laman webnya, SimplyIslam.

Ketika dihubungi semalam, Pengerusi MEX, Dr Mohd Nawab Mohd Osman, menerangkan dana yang terkumpul sejauh ini turut termasuk \$221,000 yang dikumpulkan Yayasan Rahmatan Lil Alamin.

"Kami amat tersentuh dengan sumbangan murah hati masyarakat Muslim setempat.

"Ini menandakan keprihatinan kita kepada umat Muslim yang menghadapi kesukaran di luar negara," kata beliau yang juga penolong profesor di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) Universiti Teknologi Nanyang.

Asrit yang dibentuk lewat tahun lalu mempunyai matlamat mengumpulkan sebanyak \$500,000 menjelang akhir tahun ini.

Menurut laporan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR), sehingga Jun tahun lalu, sebanyak 4.35 juta rakyat Syria kehilangan tempat tinggal.

Sejumlah 6.8 juta memerlukan pertolongan dan sekitar 1.68 juta kini hidup sebagai pelarian di Iraq, Jordan, Lebanon, Mesir dan Turkey.

Dr Mohd Nawab berkata pelbagai usaha sedang dilaksana bagi mencapai matlamat \$500,000 bagi penduduk Syria.

Sebagai contoh, petang ini MEX akan menganjur satu majlis iftar amal yang akan dihadiri sekitar 150 orang.

Penganjur kempen Asrit juga telah bekerjasama dengan badan kemanusiaan Turkey, Kimse Yok Mu (KYM), bagi mengagihkan bantuan kepada mangsa.

KYM merupakan badan amal terbesar di Turkey dan turut diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Sementara itu, Pengasas SimplyIslam, Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur, telah mengadakan lawatan tiga hari ke Mardin, Turkey, sejak Isnin lalu bagi mengagihkan bantuan bernilai sekitar AS\$57,000 (\$70,000) serta meninjau keadaan pelarian Syria di Turkey.

Encik Mohamed Nassir yang pulang lewat malam kelmarin berkata:

"Semasa di sana kami mengagihkan sebanyak 1,900 habuan Ramadan kepada 1,900 keluarga di sana.

"Habuan itu mengandungi keperluan asas seperti bekalan makanan."

Memandang ke depan, penganjur kempen Asrit mempunyai rancangan membantu pelarian Syria membina semula kehidupan mereka.

"Kami mempunyai rancangan menubuhkan sebuah sekolah di sana dan kini sedang meneliti beberapa pilihan seperti sama ada membina sebuah bangunan baru atau membeli sebuah bangunan sedia ada," kata Encik Mohamed Nassir.

Dr Mohd Nawab pula menambah:

"Penubuhan sekolah itu boleh dilihat sebagai hadiah masyarakat Singapura kepada kanak-kanak Syria agar masa depan mereka lebih terjamin."

---

## **BANTU MANGSA PELARIAN PERANG SYRIA**

Derma menggunakan kad kredit, Nets di laman [www.asrit.sg](http://www.asrit.sg)

Derma menerusi telefon 6517 4974

Derma menerusi SMS: 9827 9330

Kirimkan cek ke: MEX - ASRIT Project, c/o AMP @ Pasir Ris, 1 Pasir Ris Drive 4, #05-11, Singapore 519457

---